



Penjagaan pokok limau nipis

Tips pertanian bersama UPM
UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

OLEH SYED GHAZALI JALALULIN SYED HASSAN

Taman Pertanian Universiti, UPM

LIMAU nipis tergolong di dalam famili Rutaceae dan nama saintifiknya adalah *Citrus aurantifolia*.

Pokok limau nipis mula berbuah di antara umur dua hingga tiga tahun selepas ditanam dengan hasilnya sekitar antara 20 dan 25 kg sejak pokok selepas lima tahun ditanam.

Pokok limau nipis sering ditanam di kawasan rumah terutamanya di kampung dan taman perumahan untuk tujuan perubatan tradisional, masakan, minuman, produk kesihatan dan lain-lain kegunaan.

Secara umumnya, pokok limau nipis berbuah sepanjang tahun dan amat sesuai ditanam di kebanyakan tempat terutamanya yang mempunyai saliran yang baik.

Namun pokok limau nipis tidak sesuai

ditanam di kawasan berair seperti sawah dan kawasan yang sering banjir.

Buah limau nipis kaya dengan vitamin A dan C dan sering digunakan sebagai perisa masakan dan minuman.

Asid sitrik yang terkandung dalam limau nipis berkesan menghilangkan lemak dan menguruskan badan di samping untuk melegakan perut dan melancarkan penghadaman.

Ia juga digunakan untuk membersihkan rambut dan kepala terutama bagi mereka yang menghadapi masalah keleumur.

Buahnya juga sering kali digunakan untuk mengilatkan kuku dan menghilangkan bau badan.

Di kalangan pengamat perubatan herba, air perahan buah limau nipis yang dicampurkan dengan kapur makan dikatakan boleh mengempiskan perut wanita yang baru bersalin.

Pembibitan pokok limau nipis adalah secara semaihan biji dan tut (markot).

Pembibitan secara tut membolehkan pokok limau nipis mengeluarkan hasil di antara dua hingga tiga tahun selepas penanaman.

Bagi semaihan biji atau tut yang berjaya, boleh dipindahkan ke kebun apabila mencapai umur tujuh hingga 12 bulan.

Minggu depan: Petai

SEGALA pertanyaan dan kemasukan boleh diajukan ke:norhaimansah@gmail.com.

Tip Penjagaan

DI antara tip penjagaan pokok limau nipis yang dapat dikongsi pada ruangan kali ini adalah seperti berikut:

Pengairan

- Penanaman di awal musim hujan mempercepatkan pengeluaran pucuk, batang, dahan dan akar baru di samping dapat mengurangkan tenaga kerja untuk tugas penyiraman anak pokok limau nipis.
- Anak pokok limau nipis disiram sekurang-kurangnya dua kali sehari, pada awal pagi dan lewat petang bagi mengurangkan pemeluwapan.
- Kerja menyiram dijalankan selama dua hingga empat bulan selepas penanaman.
- Pokok limau nipis yang telah matang tidak perlu disiram tetapi memerlukan musim yang kering untuk pengeluaran bunga dan penghasilan buah.

Pengawalan rumpai

- Kawalan rumpai secara manual menggunakan cangkul atau sungkupan boleh mengawal rumpai di sekeliling kanopi pokok.
- Penggunaan racun rumpai ketika pokok masih belum dewasa tidak digalakkan kerana boleh mencederakan daun dan akar pokok limau nipis malah boleh mengakibatkan pokok mati.
- Kawalan rumpai secara racun kimia jenis sentuh seperti paraquat dan glyphosate digalakkan setelah pokok matang dengan kadar yang rendah, manakala kekerapannya ialah empat kali setahun dengan kaedah semburan di sekeliling kanopi pokok sahaja.
- Persekutuan kawasan kebun hendaklah sentiasa dijaga untuk mengelakkan menjadi habitat pembiakan serangga, perosak dan penyakit.

Pembajaan

- Kekerapan membaja untuk anak pokok limau nipis ialah 4 kali setahun.
- Baja kimia yang sangat sesuai untuk pertumbuhan awal anak pokok ialah Baja NPK Hijau 15:15:15 dengan kadar yang tertentu berdasarkan kepada umur pokok, kesuburan tanah dan analisis daun serta tanah.
- Bbiasaannya kuantiti baja yang dibekalkan pada tahun pertama penanaman ialah 300 gram sepokok untuk tempoh setahun, manakala tahun yang kedua ialah 600 gram sepokok dan tahun yang ketiga ialah satu kilogram sepokok setahun.
- Baja buah perlu dibekalkan sekiranya pokok telah mengeluarkan buah dengan kadar 1 hingga 2 kilogram sepokok untuk tempoh setahun.

● Pembajaan pokok limau nipis dilakukan dengan menggunakan kaedah seperti poket, peparit, tabur keliling kanopi dan baja foliar.

● Pemberian baja organik (tahi ayam reput) digalakkan sebagai baja tambahan agar pokok membesar dengan baik dan menghasilkan buah yang berkualiti.

● Baja organik dibekalkan kepada anak pokok limau nipis yang berumur satu dan tiga tahun dengan kadar antara 20 dan 40 kg sepokok untuk setahun.

Pemangkasan

- Dua jenis pemangkasan dilakukan pada pokok limau nipis iaitu pemangkasan pembentukan dan penjagaan.
- Bagi pemangkasan pembentukan, pokok limau nipis dibentuk menggunakan sistem pemangkasan terbuka tengah diubahsuai.
- Pangkas dilakukan pada pokok berumur enam bulan dan dilakukan berterusan bergantung kepada keadaan fizikal pokok.
- Batang dahan yang tumbuh tegak di bahagian tengah pokok perlu dipotong, manakala dahan sisi dibiarkan tumbuh dengan seimbang dikehilangkannya.
- Kaedah pemangkasan ini membolehkan cahaya matahari sampai ke seluruh bahagian dalam dahan dan ranting pokok dengan sepenuhnya.

"Pemangkasan penjagaan melibatkan pembuangan tunas, dahan dan ranting yang tidak produktif, mati dan berpenyakit. Ia dilakukan secara berkala, bertujuan untuk memberikan ruang pengudaraan kepada pokok dan mengelakkan serangan penyakit dan perosak yang berbahaya.

Kawalan penyakit dan perosak

- Penyakit yang biasa menyerang pokok limau nipis adalah penyakit greening, tristeza, phytophthora, keruping, kanker limau dan kelupuk hitam.
- Di antara perosak pokok dan buah limau nipis pula adalah hamama, kutu trip, lelompat, koya, lalat buah, pelombong daun, pengorek buah, kepinding.
- Kawalan menggunakan racun yang mengandungi bahan aktif seperti dimethoate, deltamethrine, propagite, amitraz, malathion serta imidachloroprid dapat membantu di dalam pengawalan penyakit dan perosak pada pokok limau nipis.
- Amalan pemangkasan secara berkala dan kawasan kebun yang bersih dapat mengurangkan risiko pokok dan buah limau nipis diserang penyakit dan perosak.



POKOK limau nipis ditanam di kawasan rumah untuk tujuan perubatan.